

'Islam benarkan ilmu batin dlm seni silat...'

ILMU kebatinan boleh digunakan dalam mempelajari seni silat sekiranya ia tidak membawa kepada syirik, menurut seorang tokoh agama dalam forum mengenai silat dianjurkan Persatuan Wanita dan Teruna kemarin.

Bacaan ayat-ayat suci Quran ini boleh dilakukan sekiranya pembaca itu tidak berniat membacanya itu boleh menjadikan dia gagah ataupun sebaliknya.

"Jika dia membaca ayat-ayat itu untuk menjadi kuat dan sebagainya, ini akan membawa kepada syirik. Ia ditegah oleh Islam," kata Ustaz Razali Abdullah mewakili Majlis Ugama Islam Singapura dalam majlis itu.

Rumusan

Islam juga, menurutnya, tidak membenarkan pembacaan mentera-mentera dan jampi yang menyeru sesuatu roh untuk membolehkan seseorang itu melakukan silat dan sebagainya.

Forum itu, yang pertama kali pernah dianjurkan oleh sebarang badan di sini, telah merumuskan bahawa silat boleh diperkembangkan kepada bangsa asing dan juga dapat dijadikan sebagai satu cabang sukan, selain dari kesenian.

Encik A. Bakar Aziz

pun bacaan ayat2 Quran, asal tak bawa kpd syirik — Forum

yang mewakili Majlis Pusat Pertubuhan-pertubuhan Budaya Melayu menjelaskan bahawa sekiranya silat dijadikan sebagai cabang sukan, keseniannya hendaklah dijaga ketika pertandingan dijalankan agar ia tidak menjadi seperti pertandingan seni pertahanan diri yang lain.

"Dari pertandingan-pertandingan seni pertahanan diri yang telah dijalankan di sini, perbezaan antara satu dengan lain ialah kain rentang yang diletakkan di atas pentas yang memberitahu sesuatu pertandingan itu.

Indah

"Jika tidak kerana kain rentang ini, pertandingan itu tidak dapat kita bezakan. Jadi inilah yang harus dijaga oleh kita untuk menjadikan kesenian ini sebagai cabang



A. Bakar Aziz.



Suib Selamat.

sukan," katanya.

Pendapatnya ini disokong oleh Encik Suib Selamat, seorang guru silat dari silat Esha Setia Hati yang mengatakan bahawa gerak geri dalam silat mempunyai kesenian yang indah dan tidak seharusnya ia dihilangkan, walaupun ia dijadikan sebagai salah satu cabang sukan.

Penolong setiausaha agung Persekutuan Silat Singapura, Encik Mohd. Ariff Zahari, mengatakan bahawa melalui silat sebagai olahraga saja ia dapat diperkembangkan kepada bangsa asing.

"Sejauh ini bangsa-bangsa bukan Melayu berpendapat bahawa silat hanyalah hak mutlak orang Melayu dan mereka tidak dibolehkan mempelajarinya," katanya.

Ini adalah kerana silat yang dituntut oleh orang-orang Melayu di sini boleh dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu silat kesenian (tarian pahlawan) yang lebih mementingkan bunga-bunga

dalam pergerakannya, silat membela diri, serta silat kebatinan yang juga termasuk penggunaan konsentrasi dan yang akhir ialah silat sebagai olahraga.

30 Tersusun

Dia mengatakan bahawa dengan mengadakan silat sebagai satu cabang sukan sajalah ia dapat menyatukan pertandingan dan dapat disertai oleh pengikut berbagai jenis silat yang terdapat di sini.

Encik Suib telah mencadangkan supaya diadakan satu matapelajaran yang tersusun demi memperkembangkan silat kepada orang-orang bukan Melayu. Persisi mungkin dapat mengambil inisiatif untuk mencapai matlamat ini.

Kira-kira 60 orang, termasuk empat orang wanita, menyertai forum yang berlangsung di Dewan Al Malik Faizal, Lorong 12, Geylang itu.